

Keselamatan di Eskalator

JOHOR BAHRU; 15 Ogos – Pasar raya Hemat telah melancarkan Kempen Keselamatan di Eskalator pada pagi tadi. Kempen ini adalah untuk memberikan kesedaran tentang pentingnya penggunaan eskalator secara selamat. Kempen ini dirasmikan oleh Encik Abdul karim bin Ishak, Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Johor Bahru.

Beliau menasihati pengguna supaya sentiasa berhati-hati. Menurut beliau, eskalator merupakan tangga _____ yang diperbuat daripada _____. Eskalator juga mempunyai _____ dan _____. Eskalator merupakan kemudahan _____ untuk keselesaan pergerakan.

Pengguna mestilah sentiasa mematuhi _____ pengguna eskalator. Pengguna juga hendaklah mematuhi garisan _____ semasa menggunakannya. Gunalah eskalator dengan betulnya tanpa merosakkannya.

Beliau juga mengingatkan bahawa menjadi _____ pemilik eskalator agar menyelenggarakan mengikut _____. Jurutera yang _____ hendaklah memastikan tiada anak tangga yang rosak dan _____ kecemasan berfungsi dengan baiknya.

Akhir sekali, beliau menaruh _____ agar pengguna sentiasa menghargai _____ awam yang disediakan dengan menggunakannya secara _____.